

# DIALEK SEBAGAI SATU ALAT PENGAJARAN BAHASA MELAYU

(DAILECT AS A TOOL FOR MALAY LANGUAGE TEACHING)

Fazal Mohamed Mohamed Sultan<sup>1</sup>  
Zaharani Ahmad<sup>2</sup>  
Nor Hashimah Jalaluddin<sup>3</sup>,  
Harishon Radzi<sup>4</sup>

## Abstrak

*Pengajaran bahasa Melayu yang mampan tidak boleh memandang rendah pengaruh dialek. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran tatabahasa preskriptif ini tidak boleh mengetepikan tatabahasa deskriptif yang dimiliki oleh penutur natif sesuatu kawasan. Untuk membuktikan hipotesis di atas maka satu kajian ke atas pola kata soal terbuka dalam ayat soal dialek Pulau Pinang telah dijalankan. Data kajian merupakan data primer yang dikutip daripada penutur natif dialek Pulau Pinang. Data tersebut diperoleh melalui proses temu bual yang dilaksanakan terhadap responden yang menuturkan DPP. Analisis deskriptif ini mendapati bahawa kata soal dialek Pulau Pinang terdiri daripada apa, siapa, bila, berapa, pasai apa, awat, macam mana, lagu mana dan mana. Semua kata soal ini pula mempunyai sifat yang sama iaitu boleh berkedudukan pada semua posisi ayat soal iaitu depan, tengah dan belakang ayat soal. Penemuan ini boleh dijadikan sebagai panduan ketika mengajar ayat soal kepada penutur bahasa Melayu Utara.*

**Kata Kunci:** Kata Soal, Dialek Utara, Bahasa Melayu

## Abstract

*Sustainable Malay language teaching can not underestimate the influence of dialect. Therefore, teaching and learning of prescriptive grammar can't set aside the descriptive grammar of the native speakers. To proof the above hypothesis, a study of the question patterns of a Penang dialect was conducted. The research data are primary data collected from Malay native speakers from Penang. Data were obtained through interview methodology. This descriptive analysis found that the dialect of Penang consists of apa, siapa, bila, berapa, pasai apa, awat, macam mana, lagu mana and mana. All of these question words have the same distributions, such as front, middle and rear section in a question sentence. These findings can serve as a guide to teach Malay interrogative sentences mainly to speakers of Northern Malay students.*

---

<sup>1</sup> Professor Madya, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43650 Bangi, Kedah. Emel: fazal@ukm.edu.my

<sup>2</sup> Professor, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43650 Bangi, Kedah. Emel: zaharani@ukm.edu.my

<sup>3</sup> Professor, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43650 Bangi, Kedah. Emel: shima@ukm.edu.my

<sup>4</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43650 Bangi, Kedah. Emel: naslin@ukm.edu.my

**Keywords:** *Question Words, Northern Dialect, Malay Language*

2016 GBSE Journal

## Pengenalan

Pengajaran bahasa Melayu tidak boleh mengetepikan impak dialek Melayu ke atas pembelajaran bahasa Melayu. menyatakan bahawa dialek ialah seperangkat bentuk ujaran setempat yang berbeza-beza yang memiliki ciri-ciri umum dan masing-masing lebih mirip sesamanya dibandingkan dengan bentuk ujaran lain dari bahasa yang sama (Ramli Haji Salleh, 1995, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi, 2011, Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Norasmira Noordin. 2012, Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurulafiqah Suhaimi. 2013). Penutur natif bahasa Melayu belajar tatabahasa deskriptif di rumah tetapi apabila mereka mengharungi pendidikan formal di sekolah mereka akan diajar tatabahasa preskriptif bahasa Melayu. Ini boleh dianggap sebagai dua bahasa yang berbeza dalam dunia kanak-kanak itu. Justeru itu, penulis akan menghuraikan dan menjelaskan hanya satu sahaja pola dan fenomena kata soal yang wujud dalam dialek Pulau Pinang(DPP) secara lebih terperinci dan mendalam untuk dijadikan contoh dan fahaman kepada impak pembelajaran bahasa Melayu yang formal.

## Analisis Dapatan Kata Soal Dialek Pulau Pinang

Kata soal di dalam Pulau Pinang juga terdiri daripada kata soal terbuka dan tertutup (Nurulafiqah Suhaimi, 2010). Namun demikian, penulisan ini hanya berfokus terhadap kata soal terbuka sahaja. Oleh yang demikian penulisan ini akan hanya membincangkan mengenai jenis-jenis kata soal dan kedudukannya di dalam ayat. Kata soal terbuka dalam DPP tidak sama seperti yang terdapat dalam bahasa Melayu. Terdapat beberapa jenis kata soal terbuka dalam DPP iaitu *apa*, *pasai apa (kenapa)*, *awat (kenapa)*, *lagu mana (bagaimana)*, *macam mana (bagaimana)*, *camna (bagaimana)*, *bila*, *berapa*, *sapa (siapa)*, dan *mana*. Kata soal dalam dialek Pulau Pinang juga boleh wujud di semua posisi dalam ayat iaitu pada depan, tengah dan belakang ayat soal.

Kata soal dalam DPP dilihat wujud pada semua posisi dalam ayat soal. Setelah data dicerakin dan diteliti dengan lebih mendalam, kata soal dalam DPP dihuraikan secara deskriptif seperti berikut. Hanya satu contoh sahaja diberikan kerana kekangan jumlah mukasurat:

### Apa

Kata soal *apa* dalam DPP wujud di semua posisi iaitu di depan, tengah dan belakang kata soal.

(3a) <i>Apa hang habaq?</i> <i>Apa awak cakap?</i>	(4a) <i>Keta apa nak sewa?</i> <i>Kereta apa hendak sewa?</i>	(5a) <i>Hampa nak cerita apa?</i> <i>Kamu hendak cerita apa?</i>
--	---	--

### Kenapa

*Awat* dan *pasai apa* digunakan untuk ayat soal yang bersifat *kenapa*. Selain itu, kata soal *kenapa* juga boleh hadir di posisi depan, tengah dan belakang ayat soal

(6a) <i>Pasai pa</i> hang habaq lagu tu? Kenapa awak cakap begitu?	(7a) Hang <i>pasai apa</i> mai sini? Awak kenapa datang sini?	(8a) Cek nak soal <i>pasai apa</i> ? Awak hendak soal kenapa?
(6b) <i>Awat</i> hang pi sana? Kenapa awak pergi sana?	(7b) Hang <i>awat</i> lambat? Awak kenapa lambat?	(8b) Hang duk teriak <i>awat</i> ? Awak duduk menangkis kenapa?

### Siapa

Kata soal *siapa* dalam DPP juga mempunyai sedikit perbezaan dengan kata soal dalam bahasa Melayu kerana ia telah mengalami pengguguran vokal /i/. Dalam DPP, kata soal *siapa* digunakan dengan *sapa* dan ia juga wujud di posisi depan, tengah dan belakang ayat soal.

(9a) <i>Sapa</i> cakap dia baik? Siapa cakap dia baik?	(10a) Kasut hilang <i>sapa</i> ambik? Kasut hilang siapa ambil?	(11a) Hang keluaq dengan <i>sapa</i> ? Awak keluar dengan siapa?
--	---	--

### Bila

Kata soal *bila* juga wujud di posisi depan, tengah dan belakang ayat soal.

(12a) <i>Bila</i> hang sampai? Bila awak sampai?	(13a) Hampa <i>bila</i> nak balik? Kamu bila hendak balik?	(14a) Hang ni nak bayaq <i>bila</i> ? Awak ini hendak bayar bila?
--	--	---

### Berapa

Paparan data untuk kata soal *berapa* dalam DPP ini menunjukkan bahawa kata soal *berapa* juga wujud pada semua posisi iaitu depan, tengah dan belakang ayat soal.

(15a) <i>Berapa</i> sewa kereta ni? Berapa sewa kereta ini?	(16a) Pukui <i>berapa</i> mai sini? Pukul berapa datang sini?	(17a) Hang bangun pukui <i>berapa</i> ? Awak bangun pukul berapa?
---	---	---

### Bagaimana

Kata soal *bagaimana* mempunyai dua jenis kata soal dalam dialek Pulau Pinang iaitu *lagu mana* dan *macam mana*. Selain itu, kata soal *lagu mana* dan *macam mana* juga boleh hadir di posisi depan, tengah dan belakang ayat soal.

(18a) <i>Lagu mana</i> hampa nak kutip data? Bagaimana kamu hendak kutip data?	(19a) Nak pi <i>lagu mana</i> jalan tu? Hendak pergi bagaimana jalan itu?	(20a) Nak pi jalan tu <i>lagu mana</i> ? Hendak pergi jalan tu bagaimana?
(18b) <i>Macam mana</i> hampa nak pi kelas? Bagaimana kamu hendak pergi kelas?	(19b) Nak buat <i>macam mana</i> lagi? Hendak buat macam mana lagi?	(20b) Hampa nak pi kelas <i>macam mana</i> ? Kamu hendak pergi kelas bagaimana?

### Mana

Kata soal *mana* dalam DPP digunakan dengan perkataan *mana* dan *tang mana*. Kata soal *mana* dalam DPP juga wujud di posisi depan, tengah dan belakang ayat soal.

(21a) Mana hampa nak pi? Mana kamu hendak pergi?	(22a) Hang letak <i>tang mana</i> benda tu? Awak letak di mana benda itu?	(23a) Hang nak pi <i>mana</i> ? Awak hendak pergi mana?
(21b) <i>Tang mana</i> hang duk? Di mana awak duduk?	(22a) Hang letak <i>tang mana</i> benda tu? Awak letak di mana benda itu?	

Kata soal *mana* dalam DPP juga wujud di semua posisi ayat soal. Kedudukan kata soal yang wujud di semua posisi ini telah disebut sebagai bersifat opsional (*opsyenal*) oleh Siti Noraini Hamzah dan Mariati Mokhtar (2009) dalam kajiannya terhadap kata soal bahasa Mendriq. Justeru itu, dapatlah disimpulkan bahawa kata soal dalam DPP ini mempunyai pola yang sama iaitu wujud di semua posisi depan, tengah dan belakang ayat soal seperti jadual 1 berikut:

Jadual 1 : Pemaparan Data

Kedudukan	Depan	Tengah	Belakang
<b>Kata soal</b>			
<b>Apa</b>	/	/	/
<b>Siapa</b>	/	/	/
<b>Kenapa</b>	/	/	/
<b>Bila</b>	/	/	/
<b>Bagaimana</b>	/	/	/
<b>Berapa</b>	/	/	/
<b>Mana</b>	/	/	/

Jadual 1 di atas menunjukkan hasil pemaparan data yang telah diperolehi setelah data dicerakinkan. Seperti yang dapat dilihat dalam jadual 1 di atas, dapatlah disimpulkan bahawa semua kata soal dalam DPP boleh hadir di semua posisi ayat soal iaitu di posisi depan, tengah dan belakang ayat soal. Kehadiran kesemua kata soal ini bertentangan daripada Tatabahasa Dewan (2004). Malah kata soal juga hadir tanpa partikel *'-kah'* di mana-mana posisi pun.

### Kesimpulan

Artikel ini telah menghuraikan pola dan fenomena yang terdapat pada kata soal dalam DPP. Kehadiran kata soal dalam DPP dilihat wujud di semua posisi ayat soal. Kata soal dalam DPP wujud di posisi depan, tengah dan belakang ayat soal. Data-data yang telah dipaparkan pada bahagian sebelum ini telah membuktikan bahawa kata soal dalam DPP wujud di semua posisi. Justeru, pernyataan Rogayah A. Razak (2005) tentang kata soal DPP bersifat *in-situ* boleh dipertikaikan kerana kata soal DPP adalah bersifat opsyenal. Kedudukan kata soal yang bebas ini juga boleh digunakan oleh pendidik untuk menjangkakan kesilapan yang akan dilakukan oleh pelajar utara yang mempelajari tatabahasa preskriptif bahasa Melayu. Analisis deskriptif ini boleh dijadikan sebagai panduan untuk mengajar kata soal kepada penutur natif bahasa Melayu.

## Penghargaan

Kajian ini telah dibiayai oleh dana penyelidikan FRGS di bawah kod: FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/3.

## Rujukan

- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi. (2011). Kata Soal *Bila* Dalam Dialek Kedah Melayu Baling: Satu Analisis Sintaksis. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(1), 69-80.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Norasmira Noordin. (2012). Kata Tanya 'mana' dalam Dialek Pulau Pinang dalam Program Minimalis. *Jurnal Bahasa*, 12(1), 87-103.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurulafiqah Suhaimi. (2013). Sintaksis Kata Tanya 'Sapa' Dalam Dialek Kedah. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 13(1), 43- 59.
- Nurulafiqah Suhaimi. (2010). *Kata soal argumen dan bukan argumen dialek Bahasa Melayu Utara: satu analisis minimalis*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ramli Haji Salleh. (1995). *Sintaksis bahasa Melayu: Penerapan teori kuasa dan tambatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rogayah A. Razak. (2005). Kekangan bentuk logikal bagi pergerakan kata tanya in-situ dalam ayat tanya bahasa Melayu. Dlm. Idris Aman dan Fadzeli Jaafar (Pnyt). *Prosiding teori penyelidikan bahasa* (hlm. 56-70). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Noraini Hamzah & Mariati Mokhtar. (2009). Analisis Ayat Soal Bahasa Mendriq Menggunakan Kerangka Minimalis. Dlm. Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad dan Harishon Radzi (Pnyt). *Prosiding Bengkel Kajian Linguistik Bahasa Mendriq* (hlm. 158-183). Bangi: Penerbit UKM.
- Tatabahasa Dewan*. (2004). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.